

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI NO. 3**

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta Menteri **SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah status larangan eksport nadir bumi pada ketika berlakunya peralihan teknologi bagi pemprosesan dan industri hilirannya dibangunkan, sebagai suatu langkah untuk memanfaatkan kadar Ringgit yang optimum untuk eksport tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan moratorium aktiviti pengeksportan bahan mentah unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 dan akan dinilai setiap enam (6) bulan. Perkara ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Oktober 2023 yang bersetuju agar pelaksanaan moratorium aktiviti pengeksportan bahan mentah NR-REE dijalankan sebagai inisiatif untuk membangunkan industri NR-REE di peringkat pertengahan.
2. Kementerian telah memaklumkan pelaksanaan moratorium ini kepada semua Kerajaan Negeri melalui edaran surat bertarikh 20 Disember 2023. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima, Kementerian telah mendapat permintaan oleh Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan semula pelaksanaan moratorium tersebut.
3. Berhubung dengan perkara tersebut, YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Februari 2024 telah menegaskan bahawa pihak Kerajaan Negeri perlu mematuhi dasar sedia ada khususnya berkaitan pelaksanaan operasi perlombongan pengeksportan NR-REE yang berada di bawah bidang kuasa Persekutuan.
4. Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan kepada Kerajaan Negeri pada 6 Mac 2024. Surat tersebut memaklumkan agar Kerajaan Negeri mematuhi pelaksanaan moratorium pengeksportan bahan mentah NR-REE yang sedang berkuat kuasa. Sekian, terima kasih.

**SOALAN JANGKAAN**

1. Apakah status Dokumen Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan Undur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) Di Malaysia?

Jawapan:

- a. Dokumen SOP NR-REE di Malaysia merupakan dokumen prosedur yang telah dibangunkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sebagai inisiatif untuk mengawal selia aktiviti perlombongan NR-REE yang bakal dijalankan di seluruh Malaysia kelak. Setelah melihat kejayaan terhadap pemakaian SOP NR-REE dalam projek perintis NR-REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak, dokumen SOP telah diperluaskan lagi pemakaianya ke seluruh Malaysia.
- b. SOP NR-REE di Malaysia telah dibentangkan dalam beberapa platform mesyuarat utama antaranya Mesyuarat Jemaah Menteri, Majlis Mineral Negara dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.
- c. Seterusnya, pada 20 Disember 2023, NRES telah mengedarkan dokumen SOP NR-REE kepada semua Kerajaan Negeri bagi tujuan pemakaian mengikut kepada perundangan di peringkat negeri sedia ada.

2. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa perancangan bagi menubuhkan sebuah syarikat milikan Kerajaan bagi menguruskan hasil-hasil nadir bumi yang terdapat di negara ini seperti penubuhan syarikat carigali minyak, PETRONAS pada tahun 1974?

Jawapan:

1. Cadangan pewujudan syarikat khusus untuk menguruskan sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) telah dibangkit dan dibincangkan semasa sesi libat urus draf Kerangka Dasar Mineral Negara 3 pada 8 hingga 11 Ogos 2023. Sesi libat urus ini disertai oleh pemegang taruh melibatkan agensi Kerajaan Persekutuan, agensi Kerajaan Negeri, penggiat industri, pakar-pakar, ahli akademik, badan bukan Kerajaan (NGO) dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO). Selain itu, ia juga telah disentuh semasa perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Penumbuhan Industri Mineral (JKKPI) pada 2 Oktober 2023.
2. Berdasarkan maklum balas yang diterima, cadangan ini memerlukan kajian yang lebih mendalam daripada segi kebolehlaksanaan khususnya dari aspek perundangan dengan mengambil kira sumber mineral adalah terletak hak di bawah kuasa Negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam masa yang sama, beberapa negeri telah mengambil langkah mewujudkan anak syarikat khusus bagi menguruskan pembangunan industri mineral di negeri masing-masing.

**NO. SOALAN: MQT - No. 3**

3. Walau bagaimanapun, merujuk kepada kajian Cadangan Model Perniagaan (Business Model) Pembangunan Industri NR-REE di Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM), Kementerian melihat terdapat keperluan untuk mewujudkan entiti khusus bagi mengusaha hasilkan sumber NR-REE negara, khususnya di peringkat pertengahan dan hiliran.
4. Dalam hal ini, terdapat beberapa cadangan yang boleh diperhalusi bagi pewujudan entiti tersebut, sama ada :
- (i) pelaburan sepenuhnya daripada pihak industri;
  - (ii) pelaburan Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak industri/swasta;
  - (iii) pelaburan Kerajaan Negeri dengan kerjasama syarikat berkaitan Kerajaan (Government Linked Company – GLC);
  - (iv) pelaburan sepenuhnya daripada syarikat GLC; atau
  - (v) penubuhan entiti baru melalui syarikat bertujuan khas (special purpose vehicle - SPV).
5. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan masih terbuka untuk mengkaji mekanisme terbaik bagi memacu pembangunan industri NR-REE melalui rundingan dengan pelbagai pihak bagi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi, demi kebaikan rakyat keseluruhannya.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

**STATUS PELAKSANAAN PROJEK PERINTIS DAN KAJIAN IMPAK TERHADAP AKTIVITI PERLOMBONGAN NR-REE DI KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL**

1. Merujuk kepada cadangan pelaksanaan projek perintis dan kajian impak terhadap aktiviti perlombongan di kawasan HSK, punca kuasa pelaksanaannya adalah berdasarkan kepada beberapa keputusan utama yang diputuskan dalam beberapa siri mesyuarat seperti berikut:
  - (i) Majlis Mineral Negara bertarikh 8 Mei 2023 – semakan semula terhadap dasar sedia ada Kementerian khususnya berhubung perlombongan di kawasan HSK dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan pembangunan industri secara menyeluruh serta isu mengenai dasar Kementerian yang tidak menyokong perlombongan dalam HSK, rizab perlindungan dan KSAS perlu dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasaran Pembangunan Industri Mineral;
  - (ii) Pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 bertarikh 11 September 2023 – penyediaan Dasar Mineral Negara baharu sebagai panduan dalam melaksanakan aktiviti perlombongan dalam kawasan HSK;
  - (iii) Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri bertarikh 24 Oktober 2023 – semakan semula terhadap dasar sedia ada berhubung larangan sebarang aktiviti perlombongan di kawasan HSK, rizab perlindungan dan KSAS; dan

**NO. SOALAN: MQT - No. 3**

(iv) Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 27 Oktober 2023 – pelaksanaan projek perintis perlombongan NR-REE di kawasan HSK bagi menilai kebolehlaksanaannya.

2. Dalam hal ini, bagi pemilihan tapak projek perintis dan kawasan kajian impak, pemilihan berdasarkan kepada justifikasi berikut:

- (i) lokasi yang telah diwarta keluar daripada HSK, oleh itu tiada keperluan untuk pindaan sebarang akta bagi menjalankan aktiviti perlombongan di kawasan tersebut;
- (ii) sumber NR-REE yang dipercayai terdapat di kawasan tersebut;
- (iii) kawasan tersebut yang masih belum diteroka dan mengekalkan litupan hutan; dan
- (iv) kawasan tersebut akan melalui semua prosedur yang ditetapkan dalam SOP Perlombongan NR-REE di Malaysia iaitu bermula dari pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan.

3. Bagi pemilihan kawasan kajian impak pula, lokasi kajian impak telah diputuskan untuk dilaksanakan di dua lokasi seperti berikut:

- (i) kawasan HSK Bukit Enggang, Kedah dan Mukim Kenering, Perak – pemilihan lokasi ini adalah berasaskan kepada kajian impak yang akan dibuat secara perbandingan antara kawasan yang menjalankan aktiviti perlombongan secara haram dan kawasan yang menjalankan aktiviti mengikut kepada pematuhan SOP yang ditetapkan. Lokasi ini juga dipilih

## **NO. SOALAN: MQT - No. 3**

sebagai pelaksanaan tempoh kajian secara jangka masa pendek, yang mana pihak FRIM akan mengeluarkan laporan penilaian awal yang mengambil masa tempoh selama enam (6) bulan; dan

(ii) kawasan HSK Labis, Johor – pemilihan lokasi ini adalah berasaskan kepada cadangan pelaksanaan kajian dalam tempoh jangka masa panjang iaitu selama lima (5) tahun. Penilaian ini akan dibuat mengikut kepada proses pelaksanaan projek perintis iaitu melibatkan pengumpulan data bagi aktiviti pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan.

4. Namun demikian, pelaksanaan projek perintis dan kajian impak ini tertakluk kepada persetujuan pihak Kerajaan Negeri. Bagi tujuan tersebut Kementerian akan mengemukakan surat hasrat kepada pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat bagi mendapatkan persetujuan bersama.

5. Seterusnya, sekiranya dipersetujui pihak Kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri berkaitan bagi memastikan kelancaran projek perintis dan kajian impak tersebut.

**DOKUMEN BUSINESS MODEL PEMBANGUNAN INDUSTRI NR-REE  
DI MALAYSIA**

1. Pada 17 Julai 2022, NRES telah bekerjasama dengan pihak Akademi Sains Malaysia (ASM) dalam membangunkan dokumen business model pembangunan industri NR-REE di Malaysia. Dokumen ini merupakan inisiatif Kementerian untuk membangunkan industri NR-REE yang menyeluruh merangkumi peringkat huluan, pertengahan dan hiliran.
2. Dokumen ini merangkumkan perancangan dan hala tuju yang ditetapkan bagi pembangunan industri NR-REE untuk tempoh jangka masa pendek (2025), jangka masa sederhana (2030) dan jangka masa panjang (2050). Antara perkara utama yang ditekankan dalam dokumen ini adalah mengenai keperluan untuk membangunkan industri NR-REE di peringkat pertengahan dan hiliran melalui cadangan pewujudan Central Processing Plan (CPP) dan Malaysia Rare Earth Technology Park (MRTP).
3. Dokumen ini telah dimuktamadkan bersama pihak ASM pada bulan Oktober 2023 yang lalu, dan kini sedang dalam peringkat untuk menyediakan Memorandum Jemaah Menteri. Di samping itu, satu sesi pertemuan di antara YB Menteri NRES bersama YB Menteri Ekonomi, YB Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Industri dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi juga akan diadakan pada 26 Januari 2024 bagi membincangkan mengenai cadangan business model ini. Sesi pertemuan ini akan dijadikan input kepada untuk membentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri berhubung perancangan Kerajaan dalam pembangunan industri NR-REE di Malaysia.

**KAWASAN LOMBONG HARAM**

**DALAM KAWASAN HSK**

1. Kompartment 12, Hutan Simpan Bukit Enggang, Daerah Sik – 27/9/2022 & 31/1/2023
2. Kompartmen 346, Hutan Simpan Bintang Hijau, Pengkalan Hulu – 18/3/2023
3. Hutan Simpan Piah, Daerah Kuala Kangsar – 28/3/2023
- 4. Kompartmen 411, HSK Ulu Jelai, Daerah Lipis – 20/3/2023**
5. Hutan Simpan Bintang Hijau, Perak – 8/12/2023

**KAWASAN TANAH MILIK**

6. Kg. Sikai, Seri Menanti, Daerah Kuala Pilah – 12/5/2023
7. Titi, Daerah Jelebu

25/5/2023